

# Antara hari raya dan pilihan raya



NUKILAN  
MINDA

MUJIBU ABD MUIS

**S**eminggu menjelang detik perayaan, politik negara tetap bingit dengan kontroversi. Di sebalik ibadat dan memperbaikkan amalan, riuh rendah politik negara masih rancak rentaknya serta konsisten kandungannya.

Pertukaran Ketua Menteri Melaka, amalan 'ganjaran politik' kepada kroni dan penyokong setia yang berleluasa serta isu rayuan pengampunan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, antara perkara yang berlaku sepanjang Ramadan tahun ini.

Kebetulan tahun ini kita bakal bertemu dengan dua raya yang signifikan. Pertama, Hari Raya Aidilfitri dan kedua, Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri.

Walaupun kedua-dua raya itu berbeza dari segi maksud dan konteks tetapi sifat serta keriaannya sebagai sebuah perayaan adalah serupa.

Bagi kita rakyat kebanyakannya, hari raya adalah hari kemenangan yang diraiakan setelah berjaya menyempurna-

kan ibadat berpuasa selama sebulan. Ia disambut bagi menzahirkan kesyukuran kepada ALLAH dengan ber-takbir, bertasbih dan bertahmid.

Hari raya selalunya diisi dengan amalan ziarah-menziarahi, saling bermaaf-maafan dan bersilaturahim, sesuai semangat Aidilfitri yang ber-maksud kembali kepada fitrah (asl ke-jadian manusia yang suci dan bersih daripada dosa).

Sebaliknya pula dengan pilihan raya, ia adalah sambutan pesta demokrasi selepas sepenggal merancang dan merencana usaha bagi memperoleh kuasa.

Berbanding sambutan hari raya yang dibuat dengan penuh keinsafan dan sederhana, sambutan pilihan raya pula riuh rendah serta saling mendedahkan.

Namun, aspek raya jelas kelihatan pada kedua-duanya. Sama ada hari raya atau pilihan raya, perantau akan pulang ke kampung bagi merayakan-nya. Kesanggupan untuk balik ber-aidilfitri dan mengundi lebih tinggi hingga sanggup menempuh kejauhan.

Amalan ziarah-menziarahi dan jamuan rumah terbuka ada pada kedua-duanya. Pesta makanan berlangsung tanpa putusnya. Tiada siapa yang menolak undangan dan kunjungan sesiapa pun, hari raya mahupun pilihan raya. Semuanya ceria berhimpun kerana suadah lama tidak bersua, mengikut perancangan program dan atur cara.

“

Pertukaran Ketua Menteri Melaka, amalan 'ganjaran politik' kepada kroni dan penyokong setia yang berleluasa serta isu rayuan pengampunan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, antara perkara yang berlaku sepanjang Ramadan tahun ini.”

Lebih seronok, pada waktu tersebut semua pihak automatik menjadi pemurah. Ketika hari raya mahupun pilihan raya, amalan sedekah, sumbangan dan pemberian bertukar tangan dengan ukiran senyuman.

Salain berisi bak kewajipan dalam kedua-dua perayaan, cuma salam ketika pilihan raya punya makna. Ia perlu dibalas dengan memangkah nama si pemberi bila tiba mengundi berbanding salam hari raya yang hanya mengharapkan doa sejahtera daripada penerima buat yang memberi.

Beginitulah suasana dua hari raya. Walaupun membawa maksud berbeza, pengisinya tetap sama. Kedua-duanya membawa kenangan bermakna.

Namun, ia bergantung kepada sejauh mana individu itu menghayati konsep dan makna raya itu sendiri.

Jelas, ia dilihat dari sudut spiritual (hari raya) dan rasional (pilihan raya), namun kedua-duanya adalah ujian kepada jiwa yang merdeka. Sejauh mana kita merayakkannya? Kewajiban kita untuk bertanggungjawab dalam mengisi perayaan tersebut harus menjadi keutamaan. Kedua-dua raya tersebut menuntut kita kembali kepada fitrah.

Mungkin konsep fitrah bagi Hari Raya Aidilfitri bersifat abstrak dan umum tetapi fitrah pada pilihan raya sangat jelas. Kita sedang menunaikan tanggungjawab dan hak sebagai warganegara bagi memilih seorang wakil rakyat yang bekerja untuk kita.

Maka, sebagai pemilih yang merdeka, naluri kita mahukan wakil rakyat yang cekap, berkebolehan, bersih dan ada integriti. Kerana mereka inilah yang akan mencorakkan negara dan menentukan masa depan warga untuk tempoh lima tahun.

Kerana akhirnya jika kita salah memilih, kita terpaksa merana selama lima tahun melihat kesilapan pilihan kita sehinggalah kita didatangi pilihan raya bagi mengundi untuk membetulkannya semula.

\* Mujib Abd Muis ialah Pensyarah Kanan Sains Politik, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Politik (FSPPP), Universiti Teknologi Mara (UiTM)

## Mendamaikan perang Yemen



KOPITIAM  
KITA  
CHRISTINE CHEAH

**S**elanjut lapan tahun terjerumus dalam kancang perang saudara dan beribu orang Yemen terkorban, pemuliharaan hubungan Arab Saudi serta Iran yang diadakan di Beijing, China awal minggu ini menumbuhkan harapan baharu kepada krisis kemanusiaan yang paling teruk di dunia hari ini.

Perang Yemen kerap dilihat sebagai perang proksi – pemberontak Houthi di-dukung Iran, sementara pasukan permenitan disokong Arab Saudi. Bagi mengukuhkan inisiatif perdamaian, Arab Saudi telah melepaskan 13 tawanan perang Houthi dan Houthi telah melepaskan seorang tahanan Arab Saudi.

Satu lagi peristiwa penting yang berlaku di Timur Tengah minggu ini adalah perjumpaan delegasi Arab Saudi bersama militan Houthi di ibu kota Yemen, Sanaa untuk merundingkan kesepakatan

gencatan senjata secara kekal.

Dengan Oman bertindak sebagai pengantar bagi rundingan itu, laporan berita terkini adalah draf perjanjian damai telah sampai ke peringkat akhir.

Keinginan Arab Saudi untuk menjadi 'abang besar' yang cuba mendamaikan Timur Tengah menjadi lebih ketara apabila Menteri Luar Negeri Syria disambut rakan sejawatnya di Jeddah.

Perbincangan antara pegawai-pegawai diplomatik termasuk penyaliran semula perkhidmatan konsulat dan penerbangan antara kedua-dua negara, kerjasama menangani pengedaran dadah serta usaha mengembalikan Syria kepada Liga Arab.

Hal paling tidak disangka ramai adalah pengumuman negara kuartet yang bakal menyertai rundingan konflik Syria di Moscow pada awal Mei kerana selain Iran, Arab Saudi dan Rusia, Turki yang boleh dianggap sebagai musuh Syria merupakan salah satu negara kuartet.

Apa yang ingin dicapai Arab Saudi di Yemen adalah untuk mengeluarkan pasukan asing di Yemen kerana perang yang mengambil masa lapan tahun itu telah menghabiskan banyak sumber ke-wangan. Selain itu, konflik politik tempatan Yemen dan pemuliharaan ekono-

mi negara perlu ditangani serta-merta.

Langkah-langkah yang mungkin Arab Saudi cadangkan adalah pembayaran gaji dan pampasan kepada penjawat awam Yemen yang terjejas sejak 2014, pembukaan semula lapangan terbang Sanaa yang akan membolehkan berbilis pesakit menerima rawatan kritis dan mengangkat sekatan di pelabuhan untuk meningkatkan ketersediaan barang keperluan serta mengurangkan inflasi.

Namun, perang Yemen sebenarnya lebih kompleks dan perjanjian damai itu secara tidak langsung akan memberi pengiktirafan kepada Houthi. Pihak pemberontak tidak akan melepaskan peluang memerintah Yemen dengan sewenang-wenangnya.

Arab Saudi dan Iran ingin membuktikan bahawa usaha diplomatik mereka mampu mendatangkan keamanan di Timur Tengah. Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai hubungan baik dengan Arab Saudi selama ini bertindak cepat untuk mengakui ketidaksenangan dalam pemuliharaan hubungan tersebut.

Antara reaksi yang menunjukkan keserasian AS adalah lawatan mendadak Pengarah Central Intelligence Agency, William Burns ke Arab Saudi beberapa hari lalu.

Bagi Malaysia yang berada dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan lebih-lebih lagi Organisasi Negara-negara Pengekspor Petroleum (OPEC), jajaran politik yang baru di Timur Tengah mendatangkan cabaran berbeza.

Usaha Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed bin Salman untuk menguatkan dasar luar negaranya dengan mendekati Moscow dan China menunjukkan bahawa negara pengeluar minyak utama dunia itu ingin menjauhkan diri daripada kuasa-kuasa Barat.

Sekiranya jalinan Arab Saudi-Iran berjaya, konflik bahanan akan muncul kerana kuasa Barat akan mencari negara proksi lain. Malaysia yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Arab Saudi, Iran dan negara-negara Barat perlu menilai semula dasar-dasar luar negeri serta membuat keputusan sewajarnya bagi mengelakkan hubungan baik sedia ada.

Sama ada kebuluran dan keganasan di Yemen boleh diakhiri, Syria boleh kembali ke Liga Arab dan kedamaian yang menjadi impian ramai menjadi kenyataan di Timur Tengah. Kita nantikan.

\* Christine Cheah ialah seorang pemudi yang ingin mengangkat martabat wanita dalam kalangan masyarakat